

Latihan Bahasa Malaysia (Surat Kiriman Tidak Rasmi)

Nama : _____

Soalan.

Seorang rakan **pena anda** di luar negara, telah menghantar sepucuk surat kepada anda. Dalam surat tersebut, sahabat anda menyatakan ingin mengetahui keistimewaan negara anda yang menyebabkan negara anda amat menarik untuk dilawati.

Balas surat rakan anda itu selengkapnya. Guna rangka dibawah ini sebagai rujukan..

Rangka Karangan

Permulaan: alamat penulis — tarikh surat ditulis— **kata penghadapan**

Pendahuluan: **Ucapan terima kasih atas kiriman surat tempoh hari** — berasa bangga kerana ingin mengetahui **keistimewaan negara ini** — cuba memenuhi permintaan rakan

Isi 1: Malaysia terdiri daripada dua tanah besar — Malaysia Barat dan Malaysia Timur — terdapat 14 buah negeri — banyak tempat menarik — **kawasan pantai** — bersih dan sesuai untuk beristirahat

Isi 2: terdapat **pulau-pulau peranginan** yang terkenal — terdapat pelbagai kemudahan — dasar lautnya kaya dengan pelbagai jenis ikan dan batu karang — sesuai untuk aktiviti perkelahan, menyelam, dan berehat

Isi 3: Malaysia pernah dijajah oleh beberapa kuasa besar — **banyak tempat bersejarah** yang ditinggalkan dan masih wujud sehingga sekarang — terdapat juga kesan tinggalan sejarah tempatan

Isi Bonus: rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum — mengamalkan **pelbagai cara hidup, adat resam, kebudayaan, dan kepercayaan** — kepelbagaian ini mewujudkan satu keistimewaan yang terdapat di Malaysia

Penutup.

Diharap catatan ini dapat memenuhi kehendak rakan – mengalu-alukan kedatangan rakan kalau dapat datang- harapan berjumpa lagi-

Ucapan terima kasih. (BONUS) : PANTUN – Mohon kemaafan

Akhiran surat – **Tanda Tangan**

JAWAPAN PELAJAR

Menemui sahabatku, _____ yang berada jauh di _____

Semoga sihat sejahtera di samping keluarga tercinta.

_____,

Saya begitu berbesar hati dan berterima kasih atas warkah _____ tempoh hari. Nukilan saya kali ini tidak lain untuk menjawab setiap persoalan saudara mengenai

Untuk pengetahuan saudara, Malaysia terdiri daripada dua tanah besar, iaitu Malaysia Barat atau Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur. Di Malaysia Barat terdapat dua belas buah negeri, manakala di Malaysia Timur terdapat dua buah negeri. Di negara ini terdapat tempat-tempat yang menarik yang menjadi destinasi pelancongan. Antaranya ialah **Pantai Teluk Cempedak di negeri Pahang, Pantai Batu Buruk di negeri Terengganu, dan Pantai Port Dickson di Negeri Sembilan**. Pantai-pantai tersebut bersih, bebas daripada pencemaran, dan sesuai untuk beristirahat. Oleh sebab itulah, tempat-tempat tersebut sering menjadi buah mulut pelancong dari dalam dan luar negara.

Selain pantai, di Malaysia juga terdapat pulau-pulau peranginan yang terkenal. Antaranya ialah _____ di Sabah, _____ di Terengganu, dan _____ di Perak, dan _____ di Kedah. Di pulau-pulau tersebut terdapat pelbagai kemudahan seperti _____

_____. Bagi mereka yang berminat untuk menyelam pula, mereka boleh berbuat demikian. Di dasar lautnya terdapat

berbagai-bagai jenis ikan dan batu karang. Keadaan pantainya yang bersih dengan air lautnya yang tenang menjadikan tempat tersebut selamat untuk menjalankan aktiviti perkelahan. Mereka yang mengunjungi tempat tersebut bukan sahaja dapat berehat dan menyelam tetapi dapat juga melihat keindahan alam ciptaan Tuhan yang Maha Besar.

Rasa saya, saudara tentu masih ingat bahawa satu ketika dahulu Malaysia pernah dijajah oleh kuasa-kuasa besar, iaitu _____.

Dengan demikian, tentulah banyak tempat bersejarah yang ditinggalkan oleh mereka. Satu daripadanya ialah _____ di Melaka, iaitu kubu peninggalan Portugis yang masih wujud sehingga sekarang dan sering dikunjungi oleh orang ramai. Di samping itu, terdapat juga kesan sejarah tempatan yang menarik perhatian pengunjung. Tempat-tempat tersebut termasuklah **Perigi Hang Tuah di Melaka, Makam Mahsuri di Pulau Langkawi, dan Gua Niah di Sarawak**. Saya yakin bahawa saudara memang berminat untuk melawat ke tempat-tempat tersebut. Sekiranya ada kelapangan, saya mengalu-alukan kedatangan saudara ke Malaysia dan saya bersedia untuk menemani saudara sebagai pemandu pelancong.

Masa cukup mencemburui kita. Sampai di sini dahulu nukilan saya buat kali ini. Moga-moga penjelasan saya dapat menjawab persoalan _____ mengenai keunikan negara saya dan jika ada kesempatan, datang berkunjung ke Malaysia. Sebelum saya mengundurkan diri, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun;

Sahabatmu,